

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)67

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

67. Di Pulau Pinang, terdapat syarikat-syarikat AI dan semikonduktor antarabangsa yang telah melabur ataupun yang meluahkan hasrat untuk melabur di sini. Apakah strategi bagi memastikan Pulau Pinang mempunyai bekalan kepakaran yang memadai dalam menerajui perkembangan bidang AI ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

67. Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat memandang serius terhadap aspek pembangunan bakat berkemahiran tinggi terutamanya yang berkaitan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence (AI)) kerana ia dijangka mampu memberikan impak yang besar dan signifikan dalam mempertingkatkan daya saing digital dan ekonomi negara khususnya negeri Pulau Pinang, sekali gus menginovasikan landskap sosioekonomi secara keseluruhan. Antara strategi bagi memastikan Pulau Pinang mempunyai bekalan kepakaran yang memadai dalam menerajui perkembangan bidang AI ini adalah:

- (a) Melancarkan penubuhan *Penang GBS Industry Academy (PGIA)* iaitu sebuah usaha bersama antara InvestPenang, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang, dan Penang Skills Development Centre (PSDC). Akademi ini menawarkan peluang kepada bakat sedia ada untuk meningkatkan kemahiran dan dilatih semula bagi memberi nilai tambah yang diperlukan dalam bidang teknologi seperti sains data, pembangunan perisian, AI, keselamatan siber dan sebagainya. Dalam tempoh dari April 2023 sehingga November 2023, sebanyak 23 jenis latihan dan kursus khas berkaitan industri digital telah ditawarkan dan telah berjaya melatih seramai 524 bakat berkemahiran tinggi.
- (b) Memupuk dan meningkatkan kemahiran terhadap tenaga kerja mahir sedia ada di Pulau Pinang. Hal ini termasuk merencanakan inisiatif strategik untuk menarik dan mengekalkan bakat di tempat kerja, mengatasi jurang penawaran dan permintaan dalam bidang '*Science, Technology, Engineering & Mathematics*' (STEM) dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di samping menjalinkan kerjasama dengan institusi latihan serta

institusi pengajian tinggi mengenai peluang pekerjaan di Pulau Pinang.

- (c) Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pertumbuhan sumber manusia melalui kempen *My Penang*, *My Workplace* yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat ke negeri ini melalui beberapa program, antaranya seperti:

- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach program* bersama institusi pengajian tinggi bagi memberikan kesedaran kepada para pelajar dan pencari kerja di Malaysia tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang;
- (ii) Menyediakan insentif melalui program subsidi latihan industri iaitu *Penang Internship Subsidy Program (PISP)* yang merupakan salah satu peluang bagi pelajar di Malaysia mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan dan ditawarkan elaun bulanan yang menarik; dan

- (iii) Menawarkan program biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat. PFF terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak dan keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana muda yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada sektor awam mahupun swasta.